

## **KARYA DAN KEKUASAAN PENGARANG: PEMIKIRAN DAN GAYA NARATIF MUTAKHIR ANWAR RIDHWAN**

S.M. ZAKIR

Persatuan Penulis Nasional Malaysia  
smzakir90@gmail.com

### **ABSTRAK**

Menghubungkan teks dengan kekuasaan pengarang yang dirumuskan melalui konsep *panopticon*, iaitu sebuah konsep yang dikemukakan oleh Michel Foucault berasaskan apa yang pernah dikemukakan oleh Jeremy Bentham. *Panopticon* yang dikemukakan Bentham sebagai model penguasaan minda ke atas minda yang lain. Foucault menghuraikan *panopticon* kepada tiga teknik asas kawalan atau penguasaan iaitu pemerhatian hierarkikal, penyederhanaan pengadilan, dan pemeriksaan. Ini diertikan dengan meletakkan objektif, membina makna baru dan pendoktrinan. Hal ini dilihat dalam novel Anwar Ridhwan iaitu *Penyeberang Sempadan* yang memperlihatkan kekuasaan pengarang dalam membangunkan matlamat penulisan, membina makna baru dan mendoktrinkan kebenaran yang dipercayai oleh pengarang. *Penyeberang Sempadan* meletakkan Islam sebagai kebenaran di atas segala ideologi ciptaan manusia dan menolak sosialis-komunisme serta demokrasi-kapitalisme sekaligus. Dalam membangunkan sistem tandanya yang tersendiri, Anwar Ridhwan secara tidak langsung menegaskan tentang konsep *syak* (skeptisme) dalam kebenaran falsafah yang sentiasa berubah dan hidayah (*din Illahi*) dalam kebenaran Islam yang mutlak sifatnya.

**Kata kunci:** *panopticon*; Anwar Ridhwan; *Penyeberang Sempadan*; Jeremy Bentham; kesusasteraan Melayu

### **WORK AND INFLUENCE OF AN AUTHOR: THE THOUGHTS AND CONTEMPORARY NARRATIVE STYLE OF ANWAR RIDHWAN**

#### **ABSTRACT**

The relationship of text and author's influence is expressed through panopticism ("all-seeing"); a concept that was developed initially by the philosopher Jeremy Bentham in the late eighteenth century, and elaborated by French philosopher, Michel Foucault. Panopticon was proposed by Bentham as the apparatus of power and control over other minds. Foucault categorized panopticon into three basic elements of disciplinary power; hierarchical observation, normalizing judgment and examination or construed as objective placement, new understanding and indoctrination. This can be observed in Anwar Ridhwan's *Penyeberang Sempadan*, which highlighted the author's controlling influence in building objective of the writings, creating new understanding, and indoctrination of truth as believed by the author. *Penyeberang Sempadan* positioned Islam as the truth over all man-made ideologies and totally rejected both socialist-communism and democratic-capitalism. In developing his unique systematic points, Anwar Ridhwan has indirectly expressed a concept of scepticism on the fluidity of philosophic truth as compared to the God's guidance and revelation (*din Illahi*) of the Islamic absolutism of truth.

**Keywords:** *panopticon*; Anwar Ridhwan; *Penyeberang Sempadan*; Jeremy Bentham; Malay literature

## PENDAHULUAN

Dalam pengkajian teknik-teknik sastera terdapat apa yang dinamakan sebagai sudut pandang seperti sudut pandang orang pertama, kedua, ketiga dan sebagainya. Begitu juga terdapat apa yang disebut sebagai sudut pandang serba tahu. Dalam hal ini pengarang menjadi seperti 'pengarah' yang mencipta segala tindakan watak-wataknya serta segala sebab akibat dan penyebab kepada semua peristiwa. Pengarang juga boleh dikatakan menjadi seorang dalang yang menggerakkan patung-patung wayangnya mengikut peristiwa-peristiwa sama ada yang terakam sebagai teks di atas kertas atau naratif di dalam kepalanya. Sudut pandang selalunya dikaji dalam melihat sisi dan jurus pergerakan cerita. Namun perkara yang lebih penting untuk dilihat ialah bagaimana sudut pandang ini juga memunculkan apa yang dinamakan 'kekuasaan pengarang' terhadap karyanya. Kekuasaan pengarang dapat dilihat sebagai suatu bentuk dialektika autoriti dalam konsep *panopticon* yang dikemukakan oleh Michel Foucault. Walaupun *panopticon* dikemukakan Foucault hanya satu sudut untuk melihat sikap kekuasaan, tetapi ia memungkinkan pemahaman terhadap bagaimana kekuasaan pengarang terhadap karyanya dapat dihubungkan dengan keberadaan sistem sosial, politik, ekonomi dan budaya; yang menjadi *locus* kepada keberadaan pengarang itu sendiri.

Foucault menyebut kekuasaan (pengarang) mengatur suasana sosial dan budaya, malah mengatur siapa yang boleh berbicara, di mana dan bila di dalam teksnya. Foucault tidak menyebut kekuasaan (pengarang) sebagai kekuatan pengendali terpusat, tetapi menyebutnya sebagai tersebar kepada semua peringkat pembentukan sosial dan kekuasaan bersifat generatif yang bererti menghasilkan hubungan-hubungan antara sosial dan identiti. Dalam pada itu kekuasaan pengarang ini juga mewujudkan perlawanan terhadap autoriti teks luaran dengan mengemukakan teks dalaman sebagai penyalur pemikiran dan wacananya. Ia mewujudkan sistem tanda yang tersendiri dalam mengacu kepada pemaknaannya, yang akhirnya mewujudkan arena perjuangan dalam menentu makna dan kebenaran. Kekuasaan (pengarang) dalam apa yang dikemukakan oleh Foucault melahirkan pengarang yang berkuasa ke atas teks, mengubah keadaan pengarang sebagai pengguna dan pengikut sistem yang sedia ada. Kekuasaan (pengarang) melahirkan keseimbangan baru setelah meruntuhkan keseimbangan lama yang adakalanya mempunyai sisi negatif dan sisi positif. Sisi negatif memperlihatkan keseimbangan baru ini bertindak sebagai suatu bentuk dekonstruksi yang meruntuhkan keseimbangan lama termasuk menyerang nilai, norma dan prinsip sedia ada. Namun sisi positif lebih melihat kepada pembentukan keseimbangan baru melalui rekonstruksi nilai, norma dan prinsip; sekaligus pemurnian terhadap nilai-nilai tersebut. Secara keseluruhannya kekuasaan pengarang memungkinkan pengarang mencipta makna baru daripada lingkungan yang ditempati mereka.

## PANOPTICON SEBUAH PENGAWASAN DAN PENGATURAN

Konsep tentang *panopticon* oleh Foucault dalam bukunya *Discipline and Punish* (1975) terilham daripada apa yang pernah dikemukakan Jeremy Bentham, ahli falsafah sosial Inggeris pada abad ke-18. *Panopticon* yang dikemukakan Bentham merupakan bentuk bangunan institusional yang meletakkan pemerhati (*watchman*) untuk memerhati dan mengawali (*-opticon*) semua (*pan-*) ahli yang ada dalam institusi tersebut tanpa diketahui. Reka bentuk yang dikemukakan oleh Bentham bersifat bangunan yang diawasi oleh menara peninjau yang melihat semua pergerakan subjek di dalam perimeter bangunan yang ditempati. Pelan ini dikemukakan Bentham untuk hospital, sekolah, pusat pemulihan, pusat tahanan;

tetapi lebih ditegaskan untuk reka bentuk penjara yang disebut penjara panopticon (*panopticon prison*). Bentham menjelaskan *panopticon* sebagai model penguasaan minda ke atas minda yang lain.

Foucault mengambil konsep *panopticon* ini sebagai kajian terhadap kaedah moden dan aturan untuk mengawal/menghukum para banduan daripada menyeksa dan membunuh mereka. Perubahan kaedah ini boleh menjadi alat kepada kawalan yang lebih berkesan, yakni *'to punish less, perhaps; but certainly to punish better'*. Seterusnya beliau menyatakan bahawa *panopticon* atau kaedah baru hukuman ini menjadi kaedah kawalan terhadap keseluruhan masyarakat, dengan kilang, hospital, sekolah dan sebagai dimodelkan seperti model penjara *panopticon* tersebut. Hal ini melihat bagaimana teknik dan institusi dibangunkan sebagai sistem moden dalam membentuk disiplin yang berkuasa ke atas masyarakat. Menurut Foucault lagi, disiplin moden ini terbahagi kepada tiga teknik asas kawalan atau penguasaan iaitu pemerhatian hierarkikal, penyederhanaan pengadilan, dan pemeriksaan. Bagi pemerhatian hierarkikal, penguasaan dapat dicapai semata-mata dengan pemerhatian terhadap semua pergerakan subjek. Contohnya, tempat duduk di stadium dibina dalam bentuk baris bertingkat bukan sahaja untuk membolehkan pengawal mengawal pergerakan subjeknya tetapi juga merakam pergerakan mereka. Pemerhatian sempurna yang dikemukakan Bentham memperlihatkan kewujudan hanya seorang pengawal untuk memerhati kesemuanya.

Kekuasaan moden yang wujud dalam konteks *panopticon* ini adalah sistem yang bertujuan untuk membetulkan perbuatan menyimpang, dan bukan untuk membalas dendam atau menghukum dalam ertikata sebenarnya tetapi mengubah bentuknya (*reform*) kepada nilai serta norma yang diinginkan. Ini dikatakan sebagai penyederhanaan pengadilan. Ia merupakan suatu bentuk pengwarasan (*normalization*). Pengwarasan ini berbeza daripada kesedaran zaman silam yang tidak terikat kepada undang-undang dan peraturan. Sebaliknya pengwarasan itu adalah soal menentukan setiap kegiatan masyarakat tidak melanggar undang-undang, nilai dan norma yang sedia ada. Kesan *panopticon* ini boleh sahaja menjadi kaedah dalam menentukan dasar pendidikan, ekonomi, termasuk politik; sementara pemeriksaan pula ialah berkenaan kaedah yang menggabungkan pemerhatian hierarkikal dan penyederhanaan pengadilan. Ia merupakan contoh utama yang dikatakan Foucault sebagai kuasa oleh pengetahuan. Pemeriksaan ialah pemberitahuan tentang situasi subjek, sebagai contoh keadaan kesihatan subjek untuk subjek mengetahui tahap keupayaan mereka dan seterusnya mengawal tingkah laku subjek dengan menentukan apa yang patut subjek lakukan demi mengawal keadaan kesihatan mereka. Secara umum, pemeriksaan memberikan maklumat atau pengetahuan dengan tujuan kemudiannya untuk mengawal tingkah laku subjek dengan kerelaan subjek.

Foucault menjelaskan tentang hubungan kekuasaan dan ilmu pengetahuan, yang memperlihatkan bahawa ilmu pengetahuan merupakan instrumen kepada kekuasaan. Mereka yang menguasai ilmu pengetahuan bermakna menguasai subjek yang tidak menguasai ilmu pengetahuan. *Panopticon* menjelaskan bahawa pemerhatian hierarkikal, penyederhanaan pengadilan, dan pemeriksaan adalah pembentukan kekuasaan melalui ilmu pengetahuan untuk berkuasa ke atas subjek. Kajian Foucault menegaskan bahawa matlamat kuasa dan matlamat ilmu pengetahuan tidak dapat dipisahkan; iaitu mengetahui kita berkuasa dan menguasai apa yang kita tahu. Dalam pada itu melalui pemeriksaan, situasi subjek dapat didokumentasikan; maka menjadikan pemeriksaan juga sebagai medan pendokumentasian. Setiap keputusan daripada pemeriksaan direkodkan, dan seterusnya menyediakan maklumat serta data setiap subjek bagi membolehkan wujudnya sistem kekuasaan yang mengawal subjek. Pemeriksaan menjadikan subjek sebagai kotak-kotak data yang dikawal oleh sistem kekuasaan. Oleh itu terlihat bahawa penjagaan selalu juga adalah ruang untuk menguasai.

*Panopticon* Bentham bagi Foucault adalah sebuah reka bentuk yang ideal untuk disiplin kekuasaan moden. Ia direka sebagai sebuah ‘penjara’, tetapi dibangunkan seperti kawalan atau kekuasaan yang tidak kelihatan. Setiap subjek diasingkan antara satu sama lain atau juga digabungkan dalam keadaan tertentu (bukan setiap masa). Oleh kerana subjek tidak menyedari mereka diawasi, maka mereka bertindak dan bergerak dalam keadaan biasa – tanpa menyedari bahawa mereka sebenarnya dikuasai oleh suatu bentuk sistem kekuasaan. Prinsip *panopticon* boleh diaplikasikan bukan sahaja dalam penjara tetapi apa juga sistem yang berhubungan kait dengan disiplin kekuasaan. Malah pada hakikatnya Bentham sendiri tidak pernah membangunkan sistem *panopticon* ini secara fizikal dan materinya, tetapi ia telah menyerapkan suatu bentuk konsep kekuasaan yang terpakai bukan sahaja dalam konteks institusional, tetapi sangat dipakai dalam memahami suatu bentuk disiplin kekuasaan yang tidak kelihatan yakni penguasaan minda atau bawah sedar. Prinsip Bentham ini menyerap ke dalam setiap aspek tatanan masyarakat moden, dan mewujudkan instrumen melalui disiplin kekuasaan moden wujud sebagai dasar kepada hubungan kekuasaan.

### **KEKUASAAN PENGARANG MEMBENTUK PEMIKIRAN DAN GAYA NARATIF**

Kekuasaan pengarang ke atas teks dapat dilihat sebagai pengawal yang mempunyai kekuasaan tidak kelihatan. Pengarang mewujudkan sebuah dunia seperti sebuah ‘penjara’ dalam memperihalkan tentang tahanan sosial; yang dikawal olehnya. Apa yang dimaksudkan ialah bagaimana teks wujud sebagai sebuah ‘penggambaran’ dunia atau kehidupan yang dilihat dari sudut pandangan pengarang. Ia wujud sebagai sebuah ‘penjara’ dengan watak, latar, peristiwa dan cerita menjadi subjek yang dikawal oleh pengarang. Kekuasaan pengarang terhadap teks sebenarnya bukan sekadar untuk mewujudkan cerita demi menghiburkan pembaca; tetapi lebih besar daripada itu tujuannya ialah mengatur suasana sosial dan budaya, lalu menghasilkan hubungan antara sosial atau kehidupan yang digambarkan itu dengan identiti. Dengan kekuasaannya terhadap teks, pengarang membangunkan sistem tandanya yang tersendiri seterusnya mewujudkan arena perjuangan dalam menentukan makna dan kebenaran. Pengarang bukan lagi pengguna dan pengikut sistem sedia ada tetapi bertindak untuk membangunkan sesuatu yang baru, atau keseimbangan baru dalam konteks hubungannya dengan kehidupan atau perjuangan demi masyarakatnya. Kekuasaan pengarang wujud melalui suatu bentuk disiplin kekuasaan; dalam konteks *panopticon* melalui tahapan pemerhatian hierarkikal, penyederhanaan pengadilan dan pemeriksaan. Secara khusus ia juga memperlihatkan kekuasaan pengarang sebagai hubungan ilmu pengetahuan dengan kekuasaan.

Anwar Ridhwan melalui novelnya *Penyeberang Sempadan* (UPND 2012), boleh dilihat membangunkan kekuasaan pengarang terhadap teks dalam konteks pemikiran dan gaya naratif mutakhirnya; dengan kata lain melihat bagaimana konsep *panopticon* yang memperihalkan kekuasaan pengarang tersebut membangunkan pemikiran dan gaya kepengarangan yang autoritatif dalam teksnya. Pertamanya dapat dilihat bahawa pemikiran Anwar Ridhwan sangat autoritatif sifatnya sehingga ideologinya sangat menguasai setiap sisi dan sudut penceritaan dari awal hingga akhir. Anwar Ridhwan membangunkan pemikiran dan ideologinya sebagaimana konsep *panopticon* tersebut membangunkan disiplin kekuasaan terhadap subjeknya. Anwar Ridhwan mewujudkan subjek-subjeknya melalui watak, latar, peristiwa dan cerita untuk membangunkan pemikirannya yang khusus, lantas melahirkan kekuasaan pengarang ke atas teks. Keduanya, dapat dilihat bagaimana pembentukan pemikiran yang ‘berkuasa’ ini turut membangunkan gaya naratif mutakhir Anwar Ridhwan. Gaya naratif ini ternyata dibentuk mengikut lekuk-lekuk pemikiran Anwar Ridhwan; dengan kata lain menjadi bekas atau *locus* untuk menghantar pemikirannya dengan kuat dan berkesan. Gaya naratif dalam *Penyeberang Sempadan* terkesan sangat berbeza dengan gaya naratif

Anwar Ridhwan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan juga *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*. Malah, gaya naratif ini sangat khusus lahir untuk menghantar pemikiran dan ideologi Anwar Ridhwan yang kelihatannya juga berbeza dan sangat khusus.

### **PEMIKIRAN ANWAR RIDHWAN DALAM *PENYEBERANG SEMPADAN***

*Penyeberang Sempadan* menggalurkan kisah Kuay seorang anak bangsa yang sangat bencikan penjajahan British mengambil jalan kiri dengan menyertai komunis untuk berjuang memerdekakan negara. Pada masa yang sama perjuangan ini cuba menegakkan negara komunis di Semenanjung Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia. Perjuangan Kuay melalui onak dan duri, malah meletakkan nyawa di hujung senjata pada setiap saat. Kemudiannya setelah berdekad melalui perjuangan komunis yang semakin dirasakan oleh Kuay sebagai sia-sia, Kuay keluar dan menjalani hidup di sebuah dunia demokrasi-kapitalis. Kuay lari daripada teman-teman komunisnya dari Moscow untuk menyertai Omar dari Kaherah. Nama sebenar Omar ialah Robert Maier, keturunan kulit putih Amerika Syarikat dan Arab Lebanon yang merupakan agen demokrasi Amerika Syarikat. Namun Kuay mula merasakan adanya kekosongan dalam demokrasi. Beberapa tahun Kuay di Amerika Syarikat, dia bertemu dengan Shafi'aa, wanita Palestin yang sama-sama bekerja di General Service Administration di Washington D.C. Pertemuan dengan Shafi'aa menggoncang pendirian Kuay tentang demokrasi, langsung menemukan Kuay dengan Islam. Kuay akhirnya menyedari Islam adalah kebenaran yang sebenar, dan matlamat perjuangannya. Kuay juga akhirnya berkahwin dengan Shafi'aa.

Kekeliruan berjuang dengan ideologi duniawi di sebahagian besar usia Kuay digambarkan dengan metafora yang cukup misteri. Kuay diiringi bau aneh seperti bau tanah perkuburan lembab yang terbongkar oleh kuasa aneh. Bau lumpur dan selut yang telah mengadun semua daging dan tulang mayat; juga bau daging baru yang mula membusuk. Kuay mula terhidu bau itu ketika menyeberang sempadan Perak-Thailand, ketika memulakan perjuangan komunisnya; mengikutinya hingga ke Peking dan Moscow. Bau itu masih mengikuti Kuay ketika di Amerika Syarikat; setelah Kuay meninggalkan perjuangan komunis dan menuruti perjuangan demokrasi. Bau itu hanya hilang hanya ketika Kuay berada di Arab Saudi dan membuang semua perjuangannya yang berasaskan isme-isme yang dibuat manusia. Hal ini secara tidak langsung menegaskan tentang konsep syak (skeptisme) dan hidayah (din Illahi) dalam pengalaman menerima kebenaran keagamaan oleh diri manusia. Kuay melalui perjuangan mencari apa yang benar dalam hidup masyarakatnya, dalam hidup dirinya berasaskan fahaman akal fikiran sekular yang memisahkan agama sebagai tunjang kehidupan. Walaupun Kuay lahir dan hidup dalam lingkungan agama Islam, tetapi dorongan perjuangan membuatnya melihat agama tidak lebih daripada budaya dan ritual, lalu bukan sebagai titik perjuangannya secara keseluruhan. Metafora bau yang datang ketika Kuay mula mengikuti perjuangan komunis dan kemudian menganutnya sebagai pegangan hidup, dan terus melekat ketika dia bertukar pegangan demokrasi; sehinggalah ia tiba-tiba hilang setelah Kuay mula menerima Islam sebagai perjuangannya yang satu dilihat sebagai melambangkan perjuangan Islam yang menghilangkan semua bau busuk idealisme duniawi yang menghinggapai manusia.

Dalam perjuangan komunisnya, Kuay banyak dipengaruhi oleh Bung Suradi yang menyatakan bahawa perjuangan menuntut kemerdekaan bukan sekadar menentang dan melepaskan diri daripada penjajahan Belanda, Inggeris atau Jepun tetapi kemerdekaan sejati itu ialah untuk membebaskan kaum proletar, buruh dan petani daripada belenggu penindasan kelas. Terdorongnya Kuay mengikuti dan kemudian menganut perjuangan komunis ini adalah ditolak oleh latar kehidupan Kuay yang bencikan penjajah Inggeris. Seorang kontraktor Inggeris mati dibunuh di kampung Kuay, dan kemudian pemuda-pemuda kampung ditahan

dan dibawa pergi oleh Inggeris. Seorang daripada mereka yang ditahan ini ialah ayah Kuay, dua minggu kemudiannya dikembalikan sebagai mayat oleh kerana dikatakan mati dalam tahanan. Kuay menyimpan dendam diam yang paling buas. Ketika bangkitnya gerakan kiri menentang penjajah, Kuay segera mengikutinya. Pertemuan Kuay dengan Bung Suradi terus menghanyutkan Kuay dengan ideologi komunis yang muluk. Kuay dibawa ke Peking untuk didoktrinkan dengan ideologi komunis seterusnya menjadi kader komunis yang lebih jitu. Ideologi komunis ditanam lebih dalam dengan meletakkan Kuay sebagai kader ideologi untuk melawan ekonomi kapitalis dan legasi kapitalisme, dan menjatuhkan penguasa borjuis; kerana kaum pekerja, kaum buruh, proletariat mesti menguasai sistem masyarakat dan ekonomi. Ideologi komunis yang meresapkan doktrinnya turut memaksa Kuay meninggalkan amalan Islamnya. Kuay tidak lagi boleh bersolat dan mengerjakan ibadah.

Cerita Kuay melalui pengisahan yang panjang membawa kepada peristiwa dia dihantar ke Moscow untuk lagi memahami ideologi komunis dengan melawat kampung-kampung komunal. Tetapi di Moscow, Kuay semakin menyedari kepalsuan dan kepuraan hidup masyarakat komunis yang pada hakikatnya menderita oleh sistem komunis yang keras tetapi akhirnya tidak juga berjaya memakmurkan kaum proletar yang menjadi slogan agungnya. Kuay mengikuti rombongan partinya ke Kaherah sebagai usaha menarik Presiden Gamal Nasser ke arah sosialisme. Namun di Kaherah, Kuay bertemu dengan agen demokrasi Amerika Syarikat iaitu Omar, dan kemudiannya mengambil keputusan lari daripada perjuangan komunis yang palsu. Kuay cuba pula dibentuk oleh agen-agen Amerika Syarikat untuk dilahirkan menjadi kader pro-demokrasi di China, Rusia dan negara mana pun di dunia ini. Namun setelah lebih sedekad tinggal di Amerika Syarikat, Kuay merasakan demokrasi-kapitalis juga adalah suatu yang kosong. Kuay lebih bebas di Amerika Syarikat dan tidak terikat serta dikawal sebagaimana dia di Peking dan Moscow. Kuay akhirnya bertemu Shafi'aah, wanita Palestin yang membuka hatinya untuk melihat Islam sebagai perjuangannya yang sebenar.

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, falsafah (ideologi moden) telah menyusunatur pelbagai pendapat yang dihasilkan dengan cara serta kaedah ilmiah sekular seperti rasionalisme, empirikalisme dan sebagainya sebagai pandangan alam. Hal ini secara langsung mengutamakan kenyataan bersumberkan pengalaman indera jasmani, dan menyingkirkan kenyataan yang datang dari ilham bersumberkan wahyu dan bimbingan agama. Rasionalisme dan empirikisme berasaskan kepada landasan yang membataskan hakikat hanya kepada alam tabii, yang dianggap sebagai satu-satunya peringkat kebenaran hakiki. Menurut beliau lagi, rasionalisme kedua-duanya yang falsafi dan yang sekular serta empirikisme cenderung ke arah menafikan kewibawaan ilmiah dan ilham atau intuisi sebagai salah satu sumber dan kaedah ilmu. Akhirnya kaedah pemikiran sekular ini menimbulkan keraguan atau syak (skeptisme) kepada tercapainya suatu bentuk ukuran kebenaran objektif, yang memerlukan kebenaran harus dipadankan dengan fakta. Kegagalan pemikiran sekular menemukan ukuran kebenaran objektif secara mutlak membuatkan mereka mengambil kesimpulan bahawa kebenaran itu ialah sesuatu yang berubah-ubah. Maka syak (skeptisme) disanjung sebagai suatu kaedah epistemologi, yang dengannya golongan rasionalis dan sekularis percaya bahawa mereka boleh sampai kepada kebenaran. Tetapi pada hakikatnya tiada bukti bahawa kebenaran itu datang daripada syak. Kebenaran ternyata datangnya daripada hidayah (din Illahi), yang menegaskan bahawa kebenaran tidak akan datang oleh keadaan tidak menentu, berubah-ubah dan tidak yakin. Sebaliknya, kebenaran dengan dengan ciri-ciri menetap, abadi dan mutlak sebagai yang termaktub dalam agama (Islam).

Kuay mencapai kebenaran komunis dan demokrasi melalui syak, yakni didukung oleh sifat ragu, tidak tetap dan sering berubah lantaran ia berasaskan kepada fakta dan bukti empirikal yang sentiasa berubah. Memahami kebenaran ideologi komunis mahupun demokrasi sebagai kebenaran yang berubah-ubah akhirnya menjadi sesuatu yang sulit bagi

Kuay. Akhirnya Kuay menyedari bahawa Islam yang ditinggalkannya sebenarnya sudah telah cukup memberikan kebenaran terhadap perjuangannya. Kedua-dua bentuk pemikiran sekular komunis dan demokratis memerlukan kebenaran harus dipadankan dengan fakta. Maka di sinilah Kuay melihat titik kegagalan dan kelemahannya, kerana fakta daripada apa yang dilalui Kuay memperlihatkan ia sama sekali berbeza dengan apa yang diperjuangkan dalam slogannya. Kuay akhirnya memutuskan bahawa ukuran kebenaran itu hanya boleh dicapai hanya melalui Islam. Dalam konteks novel *Penyeberang Sempadan* ini, ternyata Kuay diperlihatkan secara simbolisnya menerima hidayah, yang mempertunjukkan bahawa kebenaran itu datang daripada hidayah. Hal ini dapat disaksikan dalam gambaran yang melukiskan situasi psikologi Kuay yang menghidap masalah dwi-keperibadian. Apa yang dikatakan oleh lisan Kuay bertentangan dengan apa yang dikatakan oleh batin Kuay. Kuay yang menulis dengan tangan kidal, seringkali dalam keadaan tidak sedarnya menulis dengan tangan kanan. Ketika mengalami keadaan tidak sedar ini, batin Kuay bersuara tanpa pengetahuan Kuay. Di sini diperlihatkan bahawa batin Kuay sedang menerima hidayah kebenaran Islam. Pada akhir cerita dituliskan dalam keadaan tidak sedar Kuay itu, dia menulis dengan tangan kanannya yang menyatakan, "Aku mengakui fahaman Islam ini". Anwar Ridhwan telah menyampaikan pemikiran yang cukup jitu dalam memperlihatkan pertentangan antara situasi syak dan hidayah dalam mencari ukuran kebenaran perjuangan Kuay; sekaligus menjelaskan tentang matlamat pemikiran beliau dalam *Penyeberang Sempadan* ialah untuk memperlihatkan tentang ukuran kebenaran perjuangan adalah datangnya melalui hidayah yang membawa kebenaran Islam yang mutlak. Anwar Ridhwan secara tegas dan tuntas meletakkan Islam sebagai ukuran kebenaran kepada perjuangan manusia untuk membebaskan diri mereka bukan sahaja terhadap penjajahan fizikal tetapi juga penjajahan ideologi duniawi. Namun sedikit kekurangan novel ini ialah bahagian yang menyatakan tentang hidayah dan ukuran kebenaran Islam yang mutlak dipersudutkan kepada bahagian yang kecil pada akhir novel. Perjalanan Kuay yang panjang dengan perjuangan komunisme, disambung dengan pelariannya ke dalam faham demokrasi-kapitalis dibawa dengan begitu lengkap tetapi tidak diseimbangkan dengan matlamat yang mahu dinyatakan iaitu ukuran perjuangan sebenar iaitu kebenaran Islam, yang menjadi keseluruhan makna kepada perjuangan manusia di dunia ini. Walaupun begitu sudut atau ruang pendek yang menjelaskan tentang hidayah dan ukuran kebenaran mutlak ini memungkinkan tafsiran yang lebih panjang dan luas kepada titik matlamat pemikiran Anwar Ridhwan dalam novel *Penyeberang Sempadan*.

#### **GAYA NARATIF MUTAKHIR ANWAR RIDHWAN DALAM *PENYEBERANG SEMPADAN***

*Penyeberang Sempadan* membentuk gaya naratif yang menggabungkan gaya-gaya naratif Anwar Ridhwan sebelum ini sehingga menimbulkan suatu bentuk gaya baru yang unik dan kreatif. Jika dilihat alurnya bermula dengan sebuah prolog yang merupakan pengakhiran cerita Kuay; diperiksa oleh dua orang agen dari kerajaan Malaysia yang mengikuti Kuay sejak dahulu. Prolog ini memulakan cerita yang bertitik kepada sebuah imbas kembali sehingga berakhir dengan pembebasan Kuay daripada buruan agen kerajaan yang telah disahkan tidak membawa ancaman lagi kepada negara. Namun apa yang lebih menarik dalam prolog ini ialah pengenalan kepada metafora bau yang menghambat Kuay sejak awal dia bergiat dengan perjuangan komunis. Prolog ini jelas merupakan kesimpulan kepada segala cerita yang dipaparkan kemudiannya. Metafora bau yang menghantui hidup Kuay memulakan sebuah misteri kepada perjalanan mencari kebenaran dalam perjuangan Kuay. Tidak ada jawaban yang diberikan kepada misteri bau yang muncul dalam prolog ini, sehinggalah ia hilang setelah Kuay menemui kebenaran Islam sebagai kebenaran

perjuangannya. Malah, misteri bau ini tetap tidak memberikan apa-apa jawapan dalam mana-mana bahagian pun, selain menuntut pentafsiran sendiri oleh pembaca. Prolog ini juga menjadi titik gaya naratif Anwar Ridhwan dalam novel ini; iaitu mewujudkan sebuah cerita dari titik *in media res* yakni plot yang bermula daripada pertengahan cerita. Bermula dari prolog ini, cerita diimbis kembali kepada perjuangan Kuay dalam gerakan komunis sehingga lari ke dalam fahaman demokrasi-kapitalis dan bergerak menyambung titik mula *in media res*nya menuju kepada penyudah Kuay kembali bersama isterinya Ustazah Shafi'ah ke Kuala Tuntung setelah diisytiharkan bebas daripada anasir komunis yang membawa ancaman kepada negara.

Gaya naratif yang dikemukakan kelihatannya menyediakan alur cerita yang cukup kemas dan terkawal. Tentunya gaya naratif yang kemas dan terkawal ini menjadi keperibadian Anwar Ridhwan sejak lama. Tetapi gaya naratif yang dikemukakan dalam *Penyeberang Sempadan* ini bergerak dalam jalur pensejarahan dan realisme-fiktif berbeza dengan gaya naratif realisme dalam *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* dan gaya naratif surealisme dalam *Naratif Ogonshoto*. Maka itu gaya naratif mutakhir ini dilihat seperti gabungan semua bentuk gaya naratif sebelum ini. Malah, gaya naratif mutakhir ini lebih mudah diikuti dari segi pemahamannya terhadap cerita serta analogi perjuangan para pejuang kiri yang hanyut dalam ideologi duniawi mereka. Jalur pensejarahan mungkin bukan perkara baru dalam gaya naratif Anwar Ridhwan, tetapi dalam *Penyeberang Sempadan* jalur pensejarahan ini diletakkan sebagai leitmotif atau 'kepala gerabak' yang mendominasi cerita. Sejarah perjuangan golongan kiri bergerak sebelah menyebelah antara fakta dan fiktif. Penelitian latar yang cukup rinci dan hidup menemukan sebuah *verisimilitude* iaitu gambaran kenyataan yang sedekat-dekatnya; menjadikan gaya naratifnya sangat menghidupkan realisme. Anwar Ridhwan dilihat sangat menguasai latar yang ditampilkannya. Ia menimbulkan penguasaan yang agak luar biasa dengan penelitian yang rinci terhadap latar pada setiap peristiwa; di sudut-sudut kampung terpencil di Tanah Melayu sehingga melebar ke Peking, Moscow, Kaherah, Manhattan, Washington D.C. Makkah, Jeddah dan sebagainya. Malah latar ini disediakan dalam satu jalur pendokong cerita dan ideologi yang ingin disampaikan. Lebih luar biasa, latar itu sendiri muncul sebagai wacana terhadap ideologi yang dikemukakan. Gambaran latar yang dikemukakan hadir seperti sebuah visual sepertimana menonton sebuah filem yang memperlihatkan suasana-suasana yang berbeza mengikut iklim-iklimnya yang tersendiri. Latar sebegini secara langsung berkait dengan pergerakan peristiwa dan juga ketrampilan watak, terutamanya watak Kuay yang disinggahi kecelaruan dengan perjuangan yang disertainya. Maka itu latar menjadi hal yang sangat dominan dalam melihat suasana-suasana di dalam novel ini.

Sepertimana dalam sebahagian karya Anwar Ridhwan sebelum ini, kecenderungan untuk menyelitikan cuplikan hikayat-hikayat Melayu juga dieksploitasi di dalam novel ini, khusus memperlihatkan gaya naratif yang cukup berseni dan kreatif. *Hikayat Indera Bangsawan* muncul sebagai mimpi Kuay ketika dia meracau dan hilang dalam dunia bawah sedarnya. Hal ini memberikan kenyataan yang cukup unik bukan sahaja menggambarkan situasi dwi-keperibadian yang dihidap sebagai penyakit oleh Kuay tersebut, tetapi juga keperibadian manusia Melayu yang digambarkan dengan mitos-mitos yang didukung dalam diri bawah sedarnya. Mungkin gaya naratif yang mencuplik masuk hikayat-hikayat Melayu telah kita temui dalam bab "Hering" novel *Naratif Ogonshoto*; tetapi dalam *Penyeberang Sempadan* ia membawa motif yang lain. Ia tidak terlalu dominan seperti "Hering", tetapi mengemukakan satu pernyataan yang halus dan psikologis sifatnya. Sukar menemukan sebuah mimpi yang dominan memaparkan ruang psikologi watak dalam sebuah karya realisme, tetapi dalam *Penyeberang Sempadan* ia dimunculkan sehingga menjadi seperti berkontradiksi dengan realismenya. Namun kerana sifatnya bukan dominan, dan hadirnya



cuma sebagai sebuah mimpi Kuay, maka ia tidak dilihat mengganggu leitmotif pensejarahan dalam konteks realisme-fiktif yang muncul sebagai gaya naratif unggulnya.

Gaya naratif yang dipaparkan dalam *Penyeberang Sempadan* dilihat mempergunakan segala bentuk gaya baik pensejarahan, realisme, fiktif, mitos, bawah sadar, mimpi dan segalanya untuk memunculkan sisi-sisi cerita yang bergerak luas, melebar dan terbuka. Secara umumnya ia memaparkan sebuah realisme yang berasaskan sejarah perjuangan golongan kiri di Tanah Melayu; tetapi tidaklah boleh dikatakan sebagai realisme totok. Ini kerana wujudnya anasir-anasir bawah sadar, imaginatif-fiktif dan metafora yang sangat bermain dengan perlambangan yang turut menghiasi serta mendokong penceritaannya. Gaya naratif mutakhir Anwar Ridhwan tetap berat walaupun mengeksploitasi jalur realisme yang kelihatannya santai dan mudah (tetapi tidak demikian sifatnya). Gaya naratif ini menghadirkan alur cerita yang disiapkan khusus untuk mendokong ruang pemikirannya, sehingga kelihatan ia diikat oleh pergerakan pemikiran yang dikemukakan. Gaya naratif ini diatur sedemikian rupa untuk memperlihatkannya sebagai bebas dan terbuka kepada suasana spontan; tetapi sebenarnya diikat untuk mendokong ruang pemikiran yang sangat rumit. Secara jelas gaya naratif mutakhir ini sangat memperlihatkan kekuasaan pengarang terhadap teksnya; sehingga mewujudkan sebuah pergerakan plot yang begitu sistematis sepertikan dikawal oleh kekuasaan yang tidak kelihatan.

#### **MENEMUKAN KEKUASAAN PENGARANG SEBAGAI *PANOPTICON* DENGAN PEMIKIRAN DAN GAYA NARATIF**

Anwar Ridhwan sangat berkuasa ke atas teksnya. Hal ini terlihat berdasarkan penguasaan plot, pemikiran, watak, latar, suasana bawah sadar yang disusun begitu kemas dan sistematik. Penguasaan ini nyata terbentuk daripada sikap penulisannya yang dibangunkan sedemikian rupa. Secara umum novel ini mengemukakan pemikiran dan gaya naratif dalam konteks kekuasaan pengarang ke atas teksnya. Pengarang berdiri seperti tangan yang tidak kelihatan, menggerak-gerakkan cerita, watak, latar dan peristiwa dengan tujuan menyampaikan matlamat pemikirannya yang ingin menegaskan tentang kebusukan bau ideologi sekular dan menetapkan bahawa kebenaran datang melalui agama yakni Islam. Anwar Ridhwan menggunakan gaya naratif yang memuatkan alur sejarah, realisme, fiktif, dan simbolisme untuk menghantar pemikiran yang kelihatannya sungguh rumit; tetapi akhirnya memberikan pencerahan yang sungguh bermakna. Novel ini memperjuangkan Islam, tetapi daripada sisi yang tidak kelihatan secara langsung. Walaupun begitu ia berjaya memberikan kesan yang lebih kuat daripada karya-karya yang langsung berkhotbah dan mengutip ayat-ayat al-Quran dan al-Hadis. Ini kerana Anwar Ridhwan mempertemukan antara syak (skeptisme) dan hidayah (din Islam) dalam ruang wacana yang sangat teoritis dan sistematis. Secara khusus, ia membangunkan kesedaran secara logis.

Sepertimana yang dinyatakan dalam mukadimah awal tulisan ini, sudut pandang pengarang yang autoritatif ini memunculkan kekuasaan pengarang terhadap karyanya. Ia merupakan dialektika autoriti yang sedang dihubungkan dengan konsep *panopticon* tadi, tentang bagaimana kekuasaan pengarang terhadap karyanya dapat dihubungkan dengan keberadaan sistem sosial, politik, ekonomi dan budaya yang menjadi *locus* kepada keberadaan pengarang itu sendiri. Dalam novel *Penyeberang Sempadan* jelas terlihat tatanan sosial melalui sejarah perjuangan golongan kiri yang mewakili keberadaan sistem sosio-politik negara dalam konteks keberadaan pengarang sendiri dalam lingkungan sistemnya itu. Pengarang menjadi pengawal kepada pergerakan sejarah di dalam novel ini, bukan sekadar memberikan fakta tetapi menetapkan bahawa fakta tersebut diberikan kesimpulan serta justifikasinya demi untuk menimbulkan matlamat pengarang dalam arena perjuangannya 'memberikan' sebuah kebenaran. Pengarang menolak tatanan ideologi sekular

sekaligus menjadikan sejarah sebagai premis pemikirannya memperbandingkan secara tekstual tatanan buruk (ideologi sekular) dan tatanan baik (Islam). Pengarang berdiri seperti seorang pengawal yang tidak kelihatan memerhati dan mengawal pergerakan subjeknya (plot, watak, latar, peristiwa) agar tidak keluar dan lari daripada perimeter kawalannya. Pengarang mengatur suasana sosial dan budaya, malah siapa yang boleh berbicara, di mana dan bila di dalam teksnya dalam upaya untuk mencapai matlamat kepengarangannya dalam novel ini. Pengaturan ini bergerak tersebar bukan sahaja kepada peringkat pembentukan hubungan sosial dan kekuasaan politik (dalam ceritanya), tetapi juga menghasilkan hubungan antara sosial dengan identiti. Maka pengarang secara jelas mengatur matlamatnya dengan membina hubungan sosial dengan kekuasaan politik dan hubungan sosial dengan identiti perjuangan golongan kiri Melayu; ke arah matlamat pemikirannya yang ingin menegaskan tentang kebenaran Islam sebagai sumber dan daya perjuangan bangsa Melayu yang sebenar.

Kekuasaan pengarang juga terbentuk di dalam teks melalui susun atur sistem tanda yang mengacu kepada pemaknaan yang dikehendaki oleh pengarang. Kuay mempunyai kembar bernama Kesturi, juga membentuk sistem tanda dalam memperkenalkan ketokohan wataknya Kuay. Begitu juga dengan pelbagai perlambangan, pernyataan, dan persoalan yang dibina dalam hubungkait sistem tanda menjelaskan tentang apa yang dimatlamatkan oleh pengarang. Rekonstruksi nilai dalam meruntuhkan ideologi-ideologi sekular terutamanya komunisme, dan memunculkan kebenaran Islam di atas segala wajah ideologi sekular merupakan upaya pengarang untuk mewujudkan keseimbangan baru yang berteraskan Islam. Hal ini memperlihatkan bagaimana kekuasaan pengarang mengatur teksnya untuk menerapkan matlamat kepengarangannya yakni mendepankan Islam sebagai teras kebenaran. Pengarang menciptakan arena perjuangannya dalam menentukan makna dan kebenaran, dengan meletakkan dirinya sebagai 'pengawal' yang berkuasa ke atas subjeknya.

Memahami kekuasaan pengarang dalam konsep *panopticon*, yang mewujudkan pengarang sebagai pemerhati dan pengawal yang berkuasa ke atas subjeknya juga boleh dilihat melalui apa yang telah diterapkan oleh Foucault dengan tiga teknik asas kawalan atau penguasaan yakni pemerhatian hierarkikal, penyederhanaan pengadilan dan pemeriksaan. Dalam pemertian hierarkikal, kekuasaan pengarang dilihat wujud sebagai pemerhati yang memerhati semua pergerakan subjek. Pengarang dilihat bukan sahaja memerhati lingkungan sosialnya dalam menghasilkan sebuah novel yang bergerak daripada kisah sejarah, tetapi mengatur subjeknya untuk mewakili realiti sejarah itu sendiri. Tanpa diketahui atau disedari oleh lingkungan sosialnya, pengarang melakukan pemerhatian dan kemudiannya menulis karyanya (merakamkan pemerhatiannya) untuk mengetengahkan situasi sosial tersebut. Hal ini memperlihatkan kekuasaan pengarang ini bukan sahaja melahirkan pemikiran yang mengangkat matlamat kebenaran Islam tetapi juga berusaha menyusun lingkungan sosial dan budaya melalui kesedaran yang diterapkan. Di dalam teks pula, pengarang mewujudkan dirinya sebagai pemerhati dan pengawal yang menyusun subjeknya (cerita, watak, latar, peristiwa) seperti kuasa yang tidak kelihatan. Ia seterusnya mewujudkan pemikiran dan gaya naratif yang terbina daripada kekuasaan pengarang yang jitu.

Pengarang dalam novelnya mewujudkan sistem pemikiran dan gaya naratifnya bukan untuk mengutuk atau mencerca ideologi sekular yang tidak dipersetujuinya, tetapi bertujuan membetulkan perbuatan menyimpang dalam ertikata mengubah bentuknya (*reform*) kepada nilai Islam yang diangkat sebagai matlamatnya. Maka terbentuk penyederhanaan pengadilan, yang juga merupakan suatu bentuk pengwarasan untuk melihat bagaimana ideologi sekular menemukan kekosongan dan ukuran kebenaran yang tidak menentu; seterusnya memungkinkan untuk melihat bagaimana Islam dapat memberikan kebenaran yang lebih tepat dan mutlak. Pengwarasan ini menyuguhkan kesedaran tentang nilai-nilai kebenaran agama, dan seterusnya membuka mata masyarakat untuk melihat kekosongan nilai ideologi sekular. Maka ia menjadi landasan untuk menentukan dasar kehidupan masyarakat

berasaskan Islam; menurut apa yang dimatlamatkan oleh pengarang dalam novelnya ini. Akhir sekali kekuasaan pengarang ke atas teksnya turut berlaku dalam teknik kawalan terakhir iaitu pemeriksaan. Pengarang memerhati situasi pergerakan golongan kiri, termasuk watak-watak yang kedapatan dalam fakta sejarah. Pengarang merekodkan segala maklumat dan menggunakannya atas keperluan yang khusus, seperti memunculkan segala suasana, peristiwa, watak dan latar yang menghidupkan ceritanya; sekaligus diurut untuk menggalurkan matlamatnya. Maka pengetahuan yang sangat rinci, luas, dan tepat ini meneguhkan kekuasaan pengarang terhadap teksnya, lalu menjadikan karya sangat berwibawa dan utuh. Kekuasaan pengarang menjadikan *Penyeberang Sempadan* ini sangat tinggi keutuhannya sebagai sebuah karya sastera, dan kekuasaan pengarang yang utuh ini hanya wujud oleh penguasaan ilmu pengetahuan yang sangat jitu. Hal inilah yang diperhatikan dalam situasi kepengarangan mutakhir Anwar Ridhwan; yakni penguasaan ilmu pengetahuan yang luas dan tinggi sehingga memperlihatkan contoh jelas bagaimana 'kekuasaan pengarang' itu wujud dan berfungsi dalam menghasilkan sebuah lagi karya besar.

Kekuasaan pengarang dalam konsep *panopticon* menemukan pemikiran dan gaya naratif Anwar Ridhwan dalam novel *Penyeberang Sempadan*. Ia memperlihatkan bagaimana kekuasaan pengarang yang disusun dalam tiga teknik kawalan itu berlaku dan membolehkan pemikiran dan gaya naratif Anwar Ridhwan difahami dengan nalar yang lebih konstruktif. Malah ia dapat memperlihatkan sikap kepengarangan yang utuh oleh penguasaan ilmu pengetahuan yang kemudiannya menjurus kepada 'kuasa' yang dipunyai oleh pengarang.

## KESIMPULAN

Kekuasaan pengarang merupakan suatu hal yang sangat positif dalam mewujudkan sebuah karya kesusasteraan tinggi. Kekuasaan pengarang bukan sahaja mengawal dan mengatur cerita, tetapi mencipta satu bentuk mikrokosmos lingkungan dunianya dengan tujuan untuk mengatur hubungan sosial dengan identiti menyangkut soal politik, ekonomi, dan budaya melalui penerapan kesedaran yang jitu oleh matlamat pemikirannya. Maka itu kekuasaan pengarang yang jitu secara tidak langsung juga mengatur lingkungan sosialnya melalui ideologi dan pemikiran. Dalam novel *Penyeberang Sempadan*, Anwar Ridhwan memperlihatkan kehadiran pemikiran yang jitu dalam menampilkan arena perjuangan yang menentukan makna serta kebenaran Islam. Pemikiran yang jitu ini ternyata didokong oleh gaya naratif yang dicipta khusus untuk menjadi bijana yang muat dan padan bagi ruang pemikirannya. Kekuasaan pengarang telah mengembangkan pemikiran dan gaya naratif yang sangat jitu dalam *Penyeberang Sempadan*; sekaligus membangunkan sebuah sistem nilai melalui teks dalam nalar yang khusus.

## RUJUKAN

- Anwar Ridhwan. 2012. *Penyeberang sempadan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd.
- Barthes, Roland. 1972. *Mythologies*. New York: Hill and Wang.
- Foucault, Michel. 1972. *The Archaeology of knowledge*. New York: Vintage Books.
- Foucault, Michel. 1975. *Discipline and punish*. New York: Vintage Books.
- Foucault, Michel. 1988. *Madness & civilization*. New York: Vintage Books.
- Mohamed Salleh Lamry. 2006. *Gerakan kiri Melayu dalam perjuangan kemerdekaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rustam A. Sani. 2008. *Social roots of the Malay left*. Petaling Jaya: SIRD.
- Selden, Raman (terj.). 1989. *Panduan membaca teori kesusasteraan sezaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. 2007. *Tinjauan ringkas peri ilmu dan pandangan alam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

**Biodata penulis:**

**S. M. Zakir**

Penulis adalah penerima Hadiah SEA Write untuk tahun 2011. Beliau juga merupakan penerima Anugerah Sasterawan Muda MASTERA 2010. Menghasilkan karya dalam pelbagai genre seperti cerpen, puisi, novel dan esei kritikan. Dilahirkan pada 4 Februari 1970 di Kota Bahru, Kelantan. Beliau merupakan Setiausaha Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENAMA).